

## **LIPUTAN RADIO PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH 1976: DI MANA SILAPNYA?**

**MAHAT JAMAL**

### **Abstrak**

Pilihan raya umum (PRU) bertujuan memberi peluang kepada rakyat sesebuah negara menggunakan hak mereka memilih kerajaan yang dipercayai boleh memerintah serta mampu memenuhi kehendak rakyat. Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sabah 1976 diadakan selama 10 hari mulai dari 5 April sehingga 14 April 1976. Pembubaran DUN Sabah dibuat pada 23 Januari 1976 sementara penamaan calon, 18 Mac 1976. Seramai 48 Ahli DUN Sabah dipilih untuk mengisi kerusi DUN Sabah berbanding 32 dalam PRU DUN Sabah terdahulu. Dalam PRU DUN 1976, Parti Perikatan *the government of the day*, USNO-SCA pemegang tumpuk pemerintahan Sabah selama 13 tahun, kecundang di tangan parti baru setahun jagung, BERJAYA dengan mendapat 20 kerusi berbanding BERJAYA 28 kerusi. Makalah ini bertujuan untuk meninjau liputan program Radio Malaysia Sabah (RMS) terhadap PRU DUN Sabah 1976 dan faktor-faktor penyebab kekalahan parti pemerintah walaupun mendapat liputan sepenuhnya Radio Televisyen Malaysia (RTM). Kajian kepustakaan, carian bahan arkib dan temu ramah terperinci beberapa informan utama terhadap program-program radio tahun 70an diaplikasikan untuk menyokong dapatan. Rata-rata informan berpendapat liputan RTM terhadap PRU DUN 1976 adalah wajar dan kekalahan parti pemerintah banyak disebabkan faktor-faktor lain.

**Kata Kunci :** *Radio Malaysia Sabah, RTM, Pilihan raya umum, Dewan Undangan Negeri Sabah, Suruhanjaya Pilihan raya.*

### **Pengenalan**

Pilihan raya merupakan ciri utama dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberi peluang kepada rakyat sesebuah negara menggunakan hak mereka memilih kerajaan yang dipercayai boleh memerintah serta mampu memenuhi kehendak rakyat (Foad, 1999). Seperti juga negara-negara demokrasi berparlimen, PRU di Malaysia merupakan medan menentukan parti mana yang akan meneraju pemerintahan kerajaan dalam tempoh lima tahun (Tunku Mohar, 2012).

Makalah ini bertujuan untuk meninjau liputan program RMS terhadap PRU DUN Sabah 1976 dan faktor-faktor penyumbang kekalahan parti pemerintah walaupun telah mendapat liputan sepenuhnya RTM. Selain kajian perpustakaan dan carian bahan arkib pengkaji juga membuat temu ramah terperinci beberapa informan utama berhubung rancangan-rancangan RMS tahun 1970an dan sudut pandang mereka terhadap senario politik tahun 70an di Sabah.

## Media Dan Pilihan Raya

Terdapat tiga interpretasi terhadap fungsi media berhubung dengan negara, masyarakat dan demokrasi (Susan, 1996). Interpretasi pertama ialah media sebagai *spectators* - iaitu sebagai saluran *neutral* informasi di kalangan pemain politik sebenar. Kedua mempunyai kuasa politik bebas dikenali sebagai *a fourth branch of government* - bertindak sebagai *watchdog* bagi pihak masyarakat, di samping melindungi kepentingan awam. Sementara yang ketiga sebagai *servants of the state*, yang tidak memihak kepada nilai sosial dan politik di samping menyokong pemerintah yang ada.

Dalam Konteks RMS, pelbagai program diudarkan dalam membantu dasar, program dan aktiviti-aktiviti kerajaan Parti Perikatan memajukan negeri Sabah ketika itu. Liputan dasar kerajaan diadun dalam program-program berita, bual bicara, majalah, dokumentari, drama, persembahan pentas, lagu-lagu hiburan dan juga pengumuman-pengumuman /ive penyampai dan Juruhebah bertugas. Di samping itu, ucapan-ucapan dan temuramah pemimpin-pemimpin Parti Perikatan juga disiarkan RMS melalui Rangkaian Nasional dan Rangkaian Biru.

Media, dalam konteks pilihan raya merupakan wadah penonjolan, penilaian dan perbincangan politik dan penghidupan masyarakat (Craig G, 2004). Media juga membantu menyerlahkan sistem politik demokrasi di mana rakyat dapat menunaikan hak mereka dalam proses membentuk ataupun menjatuhkan sesuatu parti kerajaan melalui peti undi (Schumpeter, J.A.A, 1968 kemudian bertindak sebagai *watchdog* (Robert McLeish, 2005). Pada waktu yang sama media berusaha mengimbangkan secara beretika di antara tekanan dan tanggungjawab dari pelbagai perspektif politik, ekonomi, teknologi baru, globalisasi dan sebagainya (Hamed Mohd Adnan and Rahman Shaari, 2006).

Media juga wadah masyarakat memperolehi infomasi, bertukar pandangan dan memberikan maklumbalas kepada pemerintah (Mustafa K. Anuar, 2002). Dimensi ini mustahak, komunikasi tidak lengkap tanpa maklum balas. Dalam kes akhbar, jika sesuatu berita disalahtafsir atau tidak difahami, masyarakat akan menulis kepada pengarang dan begitu juga dalam penyiaran, jika kenyataan penyiар didapati tidak betul, stesen berkenaan akan menerima panggilan telefon, komplin daripada pendengar (Stan Le Roy Wilson. 1989).

Apabila menyentuh mengenai pembangunan, ramai merujuk radio sebagai mempunyai fungsi pembangunan (Jamison, D.T. & MCAnnany, E.G. 1974). Ini atas dasar liputan luas radio ke seluruh negara. Pembangunan boleh dikategorikan sebagai fizikal, minda dan pemikiran. Pembangunan fizikal seperti jalan raya, hospital, sekolah, ekonomi dan sebagainya, sementara pembangunan minda dan pemikiran lebih terarah kepada perubahan sikap dan *mind-set*. Proses pembangunan negara-negara sedang membangun, banyak bergantung keterlibatan masyarakat melalui penggunaan radio (McAnany, Emile G, 1974).

Radio, alat unik media penyiaran berupaya menorobosi halangan geografi dan buta huruf (Scupham, J. 1967). Penyampai radio menghasilkan beribu perkataan seminit dalam memberi informasi, mendidik, menghibur, memujuk dan mempropaganda isu yang diserlahkan (Robert McLeish, 2002). Sehubungan itu, Radio Malaya, di awal penubuhannya ( 1946), di samping menyiaran berita dan informasi dasar kerajaan, ia juga membantu membanteras dakyah fahaman komunis melalui program-program terbitannya (Abdul Rahman Hamid, 2005). Semenjak mengalami transformasi besar-besaran fungsi radio ditukar daripada sistem distribusi kepada sistem komunikasi (Bertolt Brecht. 2009).

Dalam konteks PRU di Malaysia, RTM sebagai media kerajaan pada dasarnya berperanan menonjolkan pembangunan dan kemajuan yang telah laksanakan kerajaan. Dari prospektif penyampai perbincangan isu-isu politik dibangkitkan secara tidak

langsung dalam siaran dan penerbitan kerana sebagai penjawat awam harus bersifat *neutral*/dan tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan awam (Abdul Rahman Hamid, 2015).

Liputan radio terhadap PRU DUN Sabah, banyak mengetengahkan perancangan dan pelaksanaan projek-projek kerajaan yang memerintah. Sebelum PRU, di sepanjang tahun-tahun sebelumnya, radio mempaparkan projek-projek pembangunan dilaksanakan kerajaan yang bermanfaat kepada rakyat. Setelah tarikh pembubaran, mengutarakan peranan *care taker government* dan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menguruskan pilihan raya. Semasa penamaan calon membawakan laporan dari pusat penamaan calon yang membabitkan pemimpin-pemimpin pemerintah. Semasa tempoh berkempen, radio menyiar maklumat tentang peraturan dan larangan semasa berkempen yang perlu dipatuhi calon-calon bertanding di samping menyiar lokasi tempat mengundi bagi untuk makluman awam. Semasa Pilihan raya, laporan suasana hari mengundi dengan tumpuan kepada kerusi *panas* diberi diserlahkan. Setelah pilihan raya radio, menyiar upacara mengangkat sumpah Ketua Menteri dan barisan baru kabinet negeri dari Istana Kota Kinabalu (Abdul Razak, 2015).

### Kajian Lepas

Penggunaan radio sering dikaitkan sumber mendapatkan sebarang informasi kerana mempunyai pelbagai kelebihan. Antaranya, murah, signalnya meliputi kawasan luas, fleksibel dan keberkesannya tidak bergantung lokasi audiens atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam masa-masa tertentu, mudah dibeli, dapat diakses, merentasi halangan geografi dan buta huruf, bersifat serta merta dan boleh berada di kebanyakan tempat pada satu-satu masa (Alan Marks, 2006)

Peranan radio dalam proses pilihan raya tidak dinafikan sangat penting dan signifikan. Dalam PRU Andhra Pradesh India tahun 1991, siaran dibahagi kepada tiga fasa iaitu rancangan pra pilihan raya, siaran khas parti-parti bertanding dan siaran pasca pilihan raya (Kavita Karan, 1997). Dalam program pra pilihan raya siaran tertumpuh pelbagai isu berhubung pilihan raya. Beberapa siri rancangan radio dirancang secara sistemetik termasuklah liputan perkembangan proses pilihan raya, siaran berita secara tetap (regular), ehwal semasa, pengumuman dan program khas pilihan raya.

Dalam fasa pra pilihan raya, radio mengingatkan pengundi menyemak nama mereka dalam senarai mengundi dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila nama mereka tidak tersenarai. Tarikh pengundian, aliran trafik dan keselamatan juga disiarkan dalam bahasa Hindi dan Telegu. Program bualbicara *bercakap mengenai pilihan raya* disiarkan bagi memahami konsep pilihan raya dan amalan mengundi secara bebas. Perbincangan, dialog, analisis dan temubual dengan jentera pilihan raya seperti Ketua Pegawai Eksekutif pilihan raya, Ketua Polis dan pegawai pilihan raya di peringkat negeri dan pusat juga diadakan. Pengundi juga diingatkan terhadap penyelewengan dan menjauhi amalan menerima insentif seperti perkhidmatan pengangkutan, wang atau hadiah sebagai ganjaran daripada parti-parti politik tertentu (Kavita Karan, 1997).

Siaran khas pilihan raya untuk parti-parti bertanding mula diadakan sejak tahun 1977. Semua parti yang diiktiraf dibenarkan bersiaran dua kali di radio peringkat negeri dan nasional dan sekali melalui TV selama 15 minit. Ini memberi peluang pengundi mendengar empat kali siaran khas politik di radio. Progam ini mendapat publisiti meluas akhbar-akhbar kebangsaan dan negeri dan juga melalui siaran radio. Semasa pengumuman keputusan, berita disiarkan setiap jam dan siaran pendek (Flashes) seminit dalam bahasa Hindi dan Inggeris menerangkan kedudukan parti yang bertanding juga disiarkan. All India Radio (AIR) yang mempunyai 175 berita dalam bahasa Hindi dan Inggeris sehari juga menyiaran analisis keputusan dan laporan situasi semasa, dalam pelbagai aspek (Kavita Karan, 1997).

Sehubungan itu, PRU Persekutuan Kanada tahun 2000 pula menyaksikan radio sebagai punca utama mendapatkan berita politik terutama semasa dalam perjalanan dari rumah ke tempat kerja (Gidengil, 2005). Dalam PRU UK 2001 dan 2005, terdapat peningkatan mendapatkan berita politik melalui radio di mana pada tahun 2001 berita politik yang didengar melalui radio sebanyak 39 peratus telah meningkat kepada 50% pada tahun 2005. Ia berada di belakang liputan TV yang mempunyai skor 89% bagi tahun 2001 dan 2005 (Gidengil, 2005). Menurut kajian *Eurobarometer* (siri tinjauan pendapat Suruhanjaya Europah) dalam PRU Perancis 2002, maklumat responden mendapatkan berita politik semasa aktiviti berkempen ialah sebanyak 19% mendengar radio, 51% menonton TV, 3% menghadiri mesyuarat atau kempen politik, 5% perbincangan sesama pekerja parti, 8% pemujukan seseorang untuk mengundi, 25% melalui risalah-risalah politik yang dihantar ke rumah, 25% melalui poster-poster pilihan raya, 26% melalui akhbar dan 39% perbincangan di kalangan kawan-kawan, keluarga dan rakan sekerja (Eric Darras, 2008).

### **Radio Malaysia Sabah**

Radio Sabah ditubuhkan secara rasmi tahun 1955 di Bukit Brace Jesselton, kemudian berpindah ke bangunan baru Radio Sabah Bukit Nenas, Jalan Tuaran pada 23 Jun 1963. Bangunan Wisma Radio Sabah Jalan Tuaran mempunyai sejarah tersendiri kerana pernah menjadi pejabat urusetia Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962 (Restrospeksi: RTM Sabah 1955-2005) bagi memungut suara rakyat Sabah (Borneo Utara) sama ada bersetuju atau sebaliknya menyertai gagasan Pembentukan Malaysia.

Radio Sabah yang ditukar menjadi Radio Malaysia Sabah (RMS) pada 16 September 1963, merupakan satu-satunya media penyiaran radio yang wujud di Sabah ketika PRU DUN 1976. Sebagai saluran media rasmi kerajaan, ia berfungsi memberi liputan dan menyiaran dasar, program dan aktiviti-aktiviti kerajaan yang memerintah. Format jadual siaran ketika itu bersifat *compartimentalised* di mana kebanyakan rancangan dirakam dahulu sebelum disiarkan, berbeza pendekatan konsep jadual *open slot* dan *segmented* yang diamalkan oleh siaran radio masakini.

Sebelum tahun 1973 sebanyak 7 bahasa (Bahasa Melayu, Inggeris, Cina, Kadazan, Bajau, Murut dan Indonesia) telah digunakan bersiaran di udara, namun bermula pada tahun 1973 hanya menggunakan dua bahasa (Bahasa Malaysia dan Inggeris) sahaja selaras dasar kerajaan negeri yang mengisyiharkan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di Sabah pada 16 September 1973 (Abdul Hadi Harman Shah et al. 2003; Restrospeksi: RTM Sabah 1955-2005). Daripada sejumlah 18 jam siaran sehari, 11 jam menggunakan bahasa Malaysia (6.00-8.00 pagi; 10.00 pagi - 3.00 petang; 7.00 - 10.00 malam dan 11.00 malam - 12 tengah malam) sementara Bahasa Inggeris, 7 jam (8.00-10.00 pagi; 3.00-5.00 petang; 7.00-8.00 malam dan 10.00-11.00 malam). Bagaimanapun setelah 3 tahun siaran bahasa-bahasa etnik diberhentikan dibenarkan beroperasi semula pada 15 Mac 1976 dengan siaran berita bahasa Kadazan, Murut, Bajau, Hakka dan Kantonis melalui saluran kedua (Rangkaian Biru). Siaran Bahasa Dusun diperkenalkan pada tahun 1978.

Ekoran dari itu Bahagian Rancangan RMS tidak lagi dikategorikan mengikut pengenalan etnik tetapi dipecahkan kepada 4 perkhidmatan iaitu Persembahan, Hal Ehwal Awam, Siaran Pembangunan/Drama dan Hiburan Muzik. Bahagian Persembahan mengendalikan rancangan-rancangan *live* seperti tugas di udara dan membaca berita; Bahagian Hal Ehwal Awam menerbitkan rancangan-rancangan hal ehwal awam; Bahagian Pembangunan/Drama mengendalikan rancangan-rancangan pembangunan dan drama dan Bahagian Hiburan dan Muzik bertanggungjawab menerbitkan rancangan-rancangan hiburan fokus terhadap artis-artis tempatan di samping mengendalikan pentas hiburan. Kombo RTM merupakan nadi Bahagian Hiburan dan Muzik, mengiringi artis-artis tempatan penerbitan rancangan hiburan.

Bermula 17 Januari 1977 menyaksikan Rangkaian Nasional RMS dan Rangkaian Biru RMS mula beroperasi berasingan selama 18 jam setiap rangkaian bermula 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam (Restrospeksi: RTM Sabah 1955-2005). Wisma Radio Angkasapuri pula mula memanjangkan siaran nasional dari Kuala Lumpur ke seluruh negara.

Sehubungan itu, Bahagian Berita dan Ehwal Semasa (BES) merupakan bahagian penting bertanggungjawab membuat laporan berita untuk siaran kedua-dua rangkaian Nasional dan Rangkaian Biru RMS. Fungsinya ialah menyalurkan semua maklumat dan dasar yang dipersetujui kerajaan, menyediakan berita mutakhir, laporan seimbang padat, jelas dan tepat serta laporan suara dan kehendak masyarakat.

Tidak dinafikan, kejayaan siaran radio dibantu sokongan khidmat teknikal. Sebanyak 7 Bahagian Kejuruteraan diwujudkan bagi memastikan kelangsungan siaran RMS. Unit Siaran Luar-*Outside Broadcast* (OB) mengendalikan penggunaan sistem alat pembesar suara (PA System); Unit Pemantau Operasi, memantau kualiti siaran berdasarkan piawaian penyiaran; Unit Penyelenggaraan, menyelanggara peralatan teknikal; Unit Teknikal stesen tempatan menyelenggara peralatan teknikal radio stesen tempatan dan Unit Pemancar Wilayah, memastikan stesen-stesen pemancar kepunyaan RTM sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna.

Dalam bangunan Wisma Radio pada tahun 60an dan awal 70an RMS mempunyai dua bilik rangkaian untuk bersiaran ke udara (Konti Biru dan Konti Hijau), dua bilik rakaman, Studio A untuk pelbagai rakaman nyanyian, pancaragam dan muzik tradisi dan juga Studio B untuk rakaman drama. Di tingkat atas Wisma Radio terletak *Recording Room*, menempatkan pita-pita rancangan yang sudah disiapkan dan bersedia untuk siaran dan Bilik Kawalan Pusat (Main Control Room-MCR) mengawal keseluruhan sistem siaran.

Siaran RMS ketika itu boleh diikuti di seluruh Sabah melalui gelombang FM 97.5 Mhz; gelombang pendek 5980 KHz 50 meter dan 4970 KHz 60 meter dan gelombang sederhana di Kota Kinabalu melalui 600 KHz. 500M; Sandakan 780 KHz 384.6M; Tawau 750 KHz 400M dan Tenom 568Khz 530M. Tempoh operasi mulai 6.00 pagi sehingga 12 tengah malam, kecuali kawasan Tenom dari pukul 3 petang sehingga 10 malam.

## **Peranan Radio Malaysia Sabah/RTM**

### **Informasi dan Hiburan**

Kebanyakan informan utama yang ditemui buat berpendapat peranan RTM adalah mendidik dan memberi informasi terhadap dasar dan program kerajaan. Peranan ini lebih signifikan di peringkat awal pilihan raya dijalankan. Selain informasi, ia juga memberi hiburan selaras pendapat Tan Sri Saimon Sipaun 79 tahun, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah:

*Saya perhatikan peranan RTM pergi ke kampung-kampung buat interview untuk memberi informasi kepada rakyat biasa, kedua mungkin memberi hiburan dan informasi bagi sayalah..sama ada berkesan atau tidak di luar kebolehan saya untuk memberi penilaian, kerana bagi orang-orang kampung semuanya baru bagi mereka. Kemudian dari yang pertama, apa itu pilihan raya, apa tujuannya pun mereka kurang mengerti” (Simon Sipaun, 2015)*

Dalam senario tahun 1970an, penerbit radio turun ke lapangan mendapatkan bahan untuk rancangan mereka. Ini dilakukan atas inisiatif sendiri atau membuat laporan lawatan seseorang menteri merasmikan sesuatu program di seluruh Sabah. Lazimnya rakaman ucapan menteri digunakan bahan siaran. Penerbit juga membuat temu ramah penduduk kampung berhubung pembangunan dan kemajuan yang dicapai. Bahan-bahan disiarkan dalam rancangan-rancangan *Pembangunan Desa* (setiap hari jam 7.10 malam); *Halaman*

*Belia* (Jumaat, 8.30 malam), *Sabah dan Penduduknya* (Sabtu, 10.30 pagi) dan *Halaman Perniagaan dan Perusahaan* (Sabtu, 1.30 petang).

### **Siaran Berita**

Kandungan berita RMS merupakan liputan berita semasa yang berlaku di seluruh Sabah. BES menggunakan berita bahasa Inggeris sebagai tonggak, diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, Cina dan bahasa-bahasa Kadazan, Dusun, Bajau dan Murut (Jumat, 2015). Di awal tahun 70an terdapat 5 slot berita melalui Rangkaian Nasional (jam 6.35 pagi, 7.45 pagi, 5.40 petang, 7.00 malam dan 11.35 malam). Rangkaian Biru pula menyiarkan berita dalam bahasa Kadazan (7.00 pagi dan 6.00 petang), Murut (7.15 pagi dan 7.45 malam), Bajau (7.30 pagi dan 6.15 petang), Hakka (7.45 pagi, 9.10 pagi dan 5.00 petang), Kantonis (8.00 pagi dan 5.15 petang), English (8.10 pagi, 9.00 pagi, 3.00 petang, 7.10 malam dan 10.00 malam) (Kinabalu Sabah Times, 23 Jan-4 April 1976).

Selain berita tempatan RMS juga menyambungsiar berita dari Angkaspuri Kuala Lumpur pada jam 6.30 pagi, 7.30 pagi (dikuti tajuk-tajuk akhbar), 11.30 pagi, 2.00 petang, (dikuti pasaran saham), 5.30 petang dan 11.30 malam. Siaran berita Inggeris dari Kuala Lumpur disiarkan jam 7.00 pagi, 10.00 pagi dan 11.30 malam. Di samping itu satu bahan berita dari Sabah disediakan BES yang dihantar melalui *seacom* untuk ruang *Pemberita Kita*, dalam siaran berita perdana TV Malaysia.

### **Persembahan Juruhebah Bertugas**

Sebarang maklumat, boleh disampaikan oleh juruhebah bertugas secara bersahaja di dalam slot *live* di antara rancangan-rancangan berakam yang telah disediakan untuk siaran. Dalam ruangan ini juruhebah bertugas menyiarkan maklumat semasa, pengumuman awam (*Public Service Announcement - PSA*), dan informasi umum termasuklah maklumat pilihan raya. Antara ruangan yang ada di awal 70an melalui Rangkaian Nasional ialah *Sambil Sarapan* (7.00 - 7.30 pagi), *Pilihanku* (12.00-12.30 tengah hari) dan *Istimewa Untuk Anda* (10.00 – 10.30 pagi). Dalam bahasa Inggeris pula *Song For You* (8.20 -9.00 pagi), *Pick at Random* (9.30 – 10.00 pagi); *Melody Time* (9.00 - 9.30 malam) (Kinabalu Sabah Times, 23 Jan-4 April 1976).

### **Pentas Hiburan**

Persembahan pentas hiburan merupakan rancangan yang dirakam di daerah-daerah tertentu dengan irungan Kombo RTM. Kandungannya ialah persembahan artis-artis jemputan dengan selitan lawak jenaka bagi menyalurkan mesej-mesej dasar dan program kerajaan. Informan Baharudzman 68 tahun, bekas Ketua Bahagian Hiburan dan Muzik RMS menerangkan:

*Tugas kita untuk menyampaikan perancangan dan projek kerajaan melalui persembahan pentas, lawak jenaka dan penyampaian pengacaraan...ini kira psywar punya approach... (Baharuzaman Hj. Ampon, 2015).*

Lazimnya, manusia sukakan hiburan. Pendekatan menyelitkan mesej-mesej tertentu secara santai dan bersahaja melalui lawak jenaka, memang mendapat sambutan. *Mari Ke Pesta* dan *Pestarama Muhibbah* sangat diminati dalam tahun 70an.

### **Majalah/Rencana**

Mesej-mesej pembangunan dan kemajuan juga siarkan melalui *talk program*. Antara rancangan-rancangan majalah/rencana awal 70an yang Rangkaian Nasional ialah *Halaman Pertanian/Desa Jaya* (Jumaat, 6.30 petang); *Pembangunan Desa* disiarkan setiap hari (7.10 malam); *Halaman Belia* (Jumaat, 8.30 malam); *Sabah dan Penduduknya* (Sabtu, 10.30 pagi); *Halaman Perniagaan dan Perusahaan* (Sabtu, 1.30 petang); *Wanita dan Kerjaya* (Sabtu 2.15 petang); *Selangkah Secita, Seia Sekata* (Sabtu, 5.00 petang); *Majalah Pembangunan* (Rabu, 5.00 petang); *Mengunjungi Pendengar* (Rabu, 6.30 petang); *Majalah Sabah, Forum, Semenjak Malaysia*.

Bahasa Inggeris pula menyiarkan *Extract From The Editorial* (Sabtu, 7.23 petang); Forum (Sabtu, 8.30 malam); *Perspective* (Jumaat, 9.30 malam); *Youth in Progress* (Sabtu, 4.30 petang); Majalah Radio (Isnin, 5.00 petang); *Weekly Roundup* (Isnin, 9.30 malam); (*Kinabalu Sabah Times*, 23 Jan-4 April 1976)

### **Sandiwara Radio**

Drama radio merupakan kaedah penyampaian mesej-mesej melalui lakonan. Rancangan-rancangan bersifat drama pada awal dan pertengahan 70an ialah sandiwara radio, drama dalam syair, cerpen dan bualan. Isu yang diketengahkan ketika itu biasanya berkisar sekitar hal-hal rumah tangga, keluarga, masyarakat, sosial, ekonomi, pembangunan dan lain-lain (Azizah, 2015). Drama khas juga diterbitkan sempena hari perayaan khas seperti Hari Kebangsaan, Hari Raya, seperti Hari Guru, Hari Wanita dan Hari Belia. Drama dari Angkasapuri Kuala Lumpur, *Fajar di Bumi Permata* berkisar penghidupan masyarakat FELDA juga disiarkan.

### **Rancangan Agama**

Di awal tahun 70an antara rancangan agama disiarkan ialah *Mutiara Untuk Anda/Azan Al Quraan* (6.00 petang); *Tamadun Islam* (Jumaat, 2.15 petang); *Soal Jawab Agama/Islam dan Masyarakat* (Jumaat, 5.00 petang); *Islam and Civilisation* (Rangkaian Biru, Jumaat 8.30 malam); *Kandungan Kitab Suci* (Jumaat, 1.00 petang); *Pendidikan Islam* (Selasa 11.15 pagi); *Sinar Islam* (KL) dan *Mutiara Kata* (11.55 malam setiap hari). Di samping itu RMS juga memberi liputan program dan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (*United Sabah Islamic Association - USIA*) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dalam melaksanakan syiar dakwah Islamiah.

## **Perbincangan**

### **Liputan Radio Malaysia Sabah PRU DUN Sabah 1976**

#### **Membantu *Government of the day***

Sebagai media rasmi kerajaan, RMS membuat liputan awal secara berperingkat-peringkat dengan menguar-uarkan pencapaian dan kebaikan kerajaan negeri selaras dengan pandangan mantan Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia, Dato' Abdul Rahman Hamid 65 tahun :

*Liputan sesebuah pilihan raya yang dibuat oleh RTM bermula secara berperingkat-peringkat. Seperti yang diketahui pilihan raya diadakan lima tahun sekali jadi RTM menyediakan rancangan jangka panjang dan bertindak secara kreatif untuk menonjolkan pencapaian government of the day dengan menyelitkan mesej-mesej yang dapat menyedarkan kepada rakyat tentang kebaikan yang telah dibuat oleh kerajaan* (Abdul Rahman Hamid, 2015).

Menurut Jumat Engson 64 tahun, mantan Pengarah Penyiaran Sabah perancangan mantap dibuat dengan mengundang jemaah menteri dan Ahli-ahli DUN dan Parlimen ke studio untuk ditemu ramah berhubung pencapaian dan perancangan kawasan masing-masing.

*Liputan di peringkat awal, di peringkat pertengahan dan akhir. Contoh di peringkat awal kita buat temuramah, kita undang bukan saja jemaah menteri tetapi juga Ahli Dewan Undangan Negeri malah Ahli parlimen ke radio untuk kita temuramah, apakah perancangan YB-YB kita ini untuk kawasan-kawasan masing masing. Kita maklumkan kepada YB-YB ini di antara peranan RTM ialah*

*membantu, contohnya kita maklumkan kepada YB dengan berhemah.* (Jumat Engson, 2015).

Profil kepimpinan dan kawasan-kawasan pilihan raya juga disiarkan. Penerbit radio memberi tumpuan program-program dan aktiviti-aktiviti dilaksanakan kerajaan memerintah. Azizah Hj. Itam, 68 tahun, bekas penerbit radio tahun 1970an berpendapat:

*Rancangan pilihan raya ialah profil-profil..ketika itu USNO adalah very powerful, government of the day. Orang-orang broadcasting, kesetiaan mereka pada USNO dan we treated BERJAYA with suspicion. Kita tidak beri tumpuan kepada coverage-coverage BERJAYA* (Azizah, 2015).

Penerbit radio sebagai kakitangan awam, berperanan memaparkan pencapaian dan kemajuan sesebuah kampung dan tidak terlibat berpolitik. Namun dengan mengutarakan dasar, polisi dan perancangan kerajaan, secara tidak langsung menyokong parti pemerintah. Pandangan informan Andrew John 66 tahun, bekas penerbit radio tahun 1970an:

*Sebenarnya Jabatan tidak pernah suruh buat rancangan khas politik tapi secara tidak langsung kita interview orang kampung sebagai titbitslah.. Kita interview orang kampung dari segi pembangunan, kemajuan dari segi infrastuktur, dari segi pelajaran..Tidak ada rancangan khusus untuk politik.. takut juga barangkali melanggar peraturan..* (Andrew John, 2015).

Paparan pembangunan dan kemajuan terhadap sesuatu kampung atau masyarakat secara *subtle* menggambarkan keperihatinan kerajaan terhadap rakyat dan harus diberi mandat terus berkuasa. Namun demikian, sebagai media kerajaan RTM dan Jabatan Penerangan harus mempunyai pendekatan sesuai meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap dasar kerajaan.

*RTM dan Jabatan Penerangan merupakan mata dan telinga kerajaan. Apa yang didengar disampaikan kepada atasan dan terpulanglah kepada pihak atasan mengambil tindakan seterusnya. Mungkin rancangan RTM/Penerangan disesuaikan untuk dipersembahkan kepada rakyat. Jadi to that extent dapat membantu kerajaan yang memerintah.* (Simon Sipaun, 2015)

Tidak dinafikan, RMS tonggak RTM awal tahun 70an berkesan dalam memberi kesedaran dasar dan program kerajaan di peringkat akar umbi:

*RTM bagi saya mempunyai kesan di peringkat akar umbi ialah memberi kesedaran tentang pelan-pelan dan program kerajaan. Apakah kerajaan yang mau rakyat tahu, jadi melalui RTMlah yang melaksanakannya* (Simon Sipaun, 2015).

## **Peringkat Liputan**

### ***Pra Pilihan Raya***

Radio bukan sahaja untuk memberi informasi, mendidik, menghibur tetapi juga untuk memujuk dan propaganda (Robert McLeish, 2002). Keberkesanan mesej bergantung kepada persepsi dan pemahaman audiens yang bakal mempengaruhi minda dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Ia mengambil masa untuk bersetuju, menghayati dan berubah selari hasrat mesej yang tersirat. Dalam konteks penyampaian mesej kerajaan dan hubungan dengan pilihan raya, RMS menyiarannya melalui rancangan-rancangan

majalah/dokumentari. Rancangan-rancangan biasa sejak tahun 1970an di masukkan elemen-elemen kejayaan kerajaan negeri bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial, teknologi, perpaduan dan lain-lain.

Pembangunan dan kemajuan di Sabah adalah selaras dengan dasar Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) ketika itu. Misalnya, kejayaan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dimasukkan dalam rancangan *Majalah Pembangunan*, siaran setiap Rabu jam 5.00 petang dan *Halaman Perniagaan dan Perusahaan*, siaran hari Sabtu jam 1.30 petang. Pencapaian Lembaga Tabung Getah Sabah (LTG), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB), Lembaga Padi Sabah (LPS) dimasukkan dalam *Halaman Pertanian/Desa Jaya*, siaran hari Jumaat 6.30 petang dan *Pembangunan Desa* siaran setiap hari Jam 7.10 malam. Kejayaan Yayasan Sabah (YS) dimasukkan ke dalam *Semenjak Malaysia* siaran Sabtu jam 10.30 pagi, *Majalah Sabah*, Isnin jam 5.00 petang dan *Forum* siaran hari Sabtu jam 8.30 malam. Ditonjolkan juga keperihatinan kerajaan Parti Perikatan dalam membahagi-bagikan sumber alam Sabah kepada rakyat Sabah melalui *Amanah Tun Haji Mustapha*. Diuar-uarkan juga kemajuan dalam bidang pendidikan, dimana beberapa institusi pendidikan tinggi telah ditubuhkan semasa era USNO-SCA seperti YS-Institut Teknologi Mara atau YS-ITM (1973) dan Universiti Kebangsaan Malaysia Cawangan Sabah, UKM (1974).

Dalam tempoh ini Rangkaian Nasional RMS juga menyiaran ceramah-ceramah pemimpin-pemimpin kanan Parti Parikatan khususnya Presidennya sendiri, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun yang juga selaku ketua Menteri ketika itu yang antara lain membuat lawatan ke merata daerah, merasmikan bangunan perniagaan, pusat pembangunan masyarakat, perasmian hari guru.

Dalam lawatan Tun Datu Mustapha ke Daerah Beaufort, awal 70an bertujuan menemui rakyat dan meninjau keadaan dan kedudukan sesuatu projek yang dijalankan kerajaan:

*Saya dapati di Beaufort ini, kerajaan telah banyak menjalankan rancangan-rancangan seperti kemajuan projek-projek jalan raya, jambatan-jambatan, rancangan tanah, sekolah-sekolah, klinik, hospital dan lain-lain lagi (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Mengenai bidang pertanian beliau berpuas hati dengan peranan Jabatan Pertanian:

*Kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah berusaha menjalankan rancangan pertanian seperti padi, kelapa sawit dan tanaman-tanaman yang lain. Sebagai tambahan kerajaan juga telah memperuntukkan tanah kepada tiap-tiap seseorang untuk kemajuan pertanian. Sukacita saya menyatakan di sini iaitu kebanyakannya daripada mereka itu telah bercucuk tanam sepenuhnya terutama di Rancangan Limbawang atau Skim Batu 54 (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Mengenai banjir yang menjadi masalah di Beaufort ketika itu, beliau menyatakan:

*Tidak beberapa lama dulu, kita selalu mengalami banjir di pekan Beaufort sehingga 5 atau 7 kali setahun. Tetapi sekarang dengan meluruskan sungai Padas dan menyuci sungai-sungai yang lain, maka Jabatan Parit dan Tali Air telah berjaya mengatasi masalah ini. Sekarang ini kita dapat kurang berlaku banjir di Pekan Beaufort walaupun hujan lebat tidak berhenti-henti (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Disiarkan juga liputan perasmian Ketua Menteri terhadap 8 buah rumah kedai binaan SEDCO Kudat berharga 1.8 juta ringgit yang julung-julung kali diadakan di Sabah:

*Tuan-tuan dan puan-puan dapat menyaksikan bahawa bangunan ini adalah menunjukkan hasil daripada usaha pelaksanaan kerajaan negeri selaras dengan dasar ekonomi baru kerajaan untuk menggalakkan rakyat tempatan memasuki dan meluaskan lagi penyertaan mereka di dalam lapangan lapangan, terutama sekali dalam perniagaan runcit (Pita Khanah, RTM Sabah).*

*...Oleh kerana kerajaan sedar bahawa bidang perniagaan merupakan satu lapangan usaha besar di mana kalangan tempatan akan memerlukan bantuan mata benda maka kerajaan negeri telah menuahkan sebuah kementerian baru dalam tahun 1971, ia itu Kementerian Pembangunan Perusahaan yang diberi kuasa untuk melaksanakan dengan segera rancangan mengembang dan memajukan pembangunan perusahaan dan perdagangan di kawasan luar bandar dan dalam bandar (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Semasa perasmian Pusat Pembangunan Masyarakat (31 Julai 1972) yang disempurnakan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Datu Haji Mustapha menyatakan:

*Pusat Pembangunan Masyarakat yang baru ini yang berharga kira-kira 2.5 juta ringgit....adalah dibangunkan dengan hasrat rakyat sendiri dan dengan terdirinya sebuah bangunan yang demikian ini, maka tercapai satu-satunya lagi cita-cita rakyat untuk mendapatkan peluang untuk meninggikan lagi mutu pimpinan dan penyertaan mereka dalam pembangunan negara dan negeri melalui sebuah jentera kerajaan yang khas begini. Bagi Parti USNO khususnya dan parti Perikatan Sabah umumnya, pembangunan rasmi Pusat Pembangunan Masyarakat ini merupakan satu lagi kejayaan dengan memastikan janji-janji yang tercatit di dalam manifestonya (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Ketika merasmikan Pusat Pembangunan Masyarakat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak Hussein memuji kemajuan dalam bidang dan pembangunan yang telah dibuat oleh Sabah:

*Saya sangat tertarik hati dengan langkah tegas kerajaan negeri Sabah mengadakan sebuah Jabatan khas bagi mengendalikan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat di negeri Sabah. Bahkah setahu saya Sabahlah merupakan negeri yang pertama yang telah menuahkan sebuah jabatan seperti Pusat Pembangunan Masyarakat ini bagi maksud pembangunan masyarakat. Pandangan yang jauh dan positif ini patutlah menjadi contoh tauladan kerana pembangunan masyarakat adalah satu konsep dan strategi yang sangat penting dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Menyentuh mengenai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, Tun Datu Hajii Mustapha berkata dalam siaran radio:

*...kerajaan sanggup bersungguh mencari jalan bagi melaksanakannya dengan apa juga cara asalkan cita-cita untuk mencipta suatu rupa bangsa dan satu nama negara yang berpuncak satu bahasa itu dapat tercapai... memang sudah menjadi dasar kerajaan supaya Bahasa Malaysia kita dapat dilaksanakan perasmianya dalam tahun 1973 di Sabah ini (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Dalam perasmian Hari Guru 1974 Tun Datu Haji Mustapha mengharapkan:

*...Kejayaan yang dicapai dalam bidang pelajaran dan pendidikan adalah memuaskan. Dalam jangkamasa 10 tahun ini pelajar-pelajar telah masuk di sekolah-sekolah rendah meningkat hampir 400% dan 700% di sekolah menengah. Langkah-langkah telah diambil untuk menyelaras dan menyatukan sistem pendidikan di Sabah dengan sistem pendidikan nasional dan dasar bahasa kebangsaan dalam sistem pelajaran telah dilaksanakan dengan tegasnya.*

Berhubung menanangi unsur-unsur negatif yang boleh menggangu gugan keamanan dan kententeramaan di Sabah Tun Datuk Haji Mustapha menyatakan ketegasannya:

*Sesiapa juga yang cuba hendak membangkitkan kacau bilau di dalam negeri ini akan menerima hukuman mengikut undang-undang. Sekali lagi saya suka menegaskan di sini ia itu oleh sebab pengisytiharan Darurat telah dibuat oleh DYMM SPB YPD Agong baru-baru ini maka segala persiapan telahpun dibuat oleh kerajaan negeri untuk mengambil tindakan terhadap sebarang anasir-anasir subversif supaya tidak merebak di Sabah dan demi kepentingan rakyat dan negara kita Malaysia yang dikasihi itu.*

Rancangan-rancangan lain juga diadunkan dan dinilaitambah dengan elemen-elemen kejayaan dan kemajuan yang kerajaan Parti Perikatan ketika itu. Rancangan-rancangan tersebut termasuklah *Halaman Belia* (Jumaat, 8.30 malam); *Wanita dan Kerjaya* (Sabtu 2.15 petang); *Selangkah Secita, Seia Sekata* (Sabtu, 5.00 petang); *Mengunjung Pendengar* (Rabu, 6.30 Extract From The Editorial (Sabtu, 7.23 petang); Forum (Sabtu, 8.30 malam). Bagi Rangkaian Biru ialah rancangan-rancangan *Perspective* (Jumaat, 9.30 malam); *Youth in Progress* (Sabtu, 4.30 petang); dan *Weekly Roundup* (Isnin, 9.30 malam).

### ***Pembubaran DUN Sabah - Penamaan Calon***

Bermula pembubaran DUN Sabah (18 Mac 1976) sehingga Penamaan Calon (23 Januari 1976) selama 57 hari liputan RMS antara lain menyiaran penerangan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya berhubung pengurusan pilihan raya; peraturan-peraturan pilihan raya, perlantikan pegawai dan kakitangan lain; kemudahan di pusat dan tempat mengundi; hak pemilih berdaftar untuk mengundi; kebenaran masuk ke tempat mengundi; peti undi; cara mengundi; pengisytiharan mengenai parti politik yang menang; penyiaran keputusan dan penyata pengundian dalam warta; orang yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal dan pengiraan undi pengundi awal (Akta Pilihan Raya 1958).

Tun Datu Haji Mustapha juga ditelah diundang membuat ceramah politik RMS dan antara lain menekankan perpaduan:

*Perdana Menteri Malaysia yang dikasihi pernah kita kasih pernah berkata bahawa sebuah kerajaan yang terdiri daripada satu golongan kaum saja tidak boleh bergerak di negeri ini. Parti Perikatan sahaja yang boleh memelihara perpaduan berbagai bangsa untuk bersama-sama membina sebuah negara Malaysia yang bersatu teguh. Inilah sebabnya bahawa tuan-tuan dan puan-puan hendaklah mengundi kepada Perikatan. Ini adalah sebuah kerajaan yang berkayakinan untuk berkerja lebih kuat daripada yang hanya bercakap kuat (Pita Khanah, RTM Sabah).*

Dalam perutusan hari rayanya Tun Haji Mustapha menekankan peri pentingnya hubungan muhibah dan harmoni bagi menjamin keamanan terus berkekalan:

*ka saya menaruh keyakinan yang kita akan mencapai kejayaan yang besar dalam usaha-usaha kita membina sebuah negara yang bersatu serta makmur...dengan ini marilah kita sama-sama tanpa mengira agama berusaha bersama-sama bagi memenuhi cita-cita negara berpandu kepada semangat yang terkandung dalam Rukunegara.*

RMS memperhebatkan paparan usaha dan kejayaan kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial, teknologi, intergrasi, agama dan lain-lain. Semua ini diuar-uarkan dalam bentuk pengumuman, persembahan live Jurubebah bertugas, rancangan-rancangan majalah/rencana, drama, agama dan siaran berita kedua-dua rangkaian Nasional dan Biru.

### ***Penamaan Calon - Hari Mengundi***

Tempoh masa daripada penamaan calon (18 Mac 1976) sehingga sehari sebelum hari mengundi (4 April 1976) dikenali sebagai tempoh kempen pilinan raya. Dalam tempoh ini, RMS meguar-uarkan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa pilihan raya. Pegawai-pegawai SPR/Polis dijemput menerangkan perkara-perkara berkaitan akta-akta pilihan raya termasuklah a) Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 b) Akta Polis 1962 (*Police Act*) c) Akta Hasutan 1948 (Pindaan tahun 1970) dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*Internal Security Act*) dan d) Akta Rahsia Rasmi 1972. Begitu juga yang berkaitan peraturan-peraturan proses komunikasi pilihan raya berhubung poster-poster, risalah bercetak, ceramah tertutup, memancing undi dari rumah ke rumah dan cara-cara lain yang dibenarkan oleh pihak polis dari semasa ke semasa (A. Rashid Rahman, 1994).

Dalam tempoh berkempen ini, RMS menyiarkan nama-nama calon yang bertanding di kesemua 48 kerusi DUN di samping menyediakan profil beberapa kawasan seperti N. 1 Banggi, N. 15 Kiulu dan N. 43 Tenom di mana masing-masing ditandingi oleh Presiden USNO, Tun Haji Mustapha Presiden BERJAYA, Tun Fuad Stephens bertanding dan Datuk Harris Salleh.

### ***Hari Mengundi dan Keputusan Pilihan Raya (5-14 April 1976)***

Sepanjang 10 hari RMS menyiarkan maklumat-maklumat yang diterima daripada SPR seperti mengumumkan lokasi tempat-tempat mengundi, waktu mengundi di semua tempat mengundi dan lokasi pusat pengiraan dan penjumlahan undi. Cogankata-cogankata menggalakkan orang ramai keluar awal untuk mengundi juga disiarkan di samping lagu-lagu mengenai mengundi seperti *Mari Mengundi*.

Bahagian Radio dan BES membuat liputan di kawasan-kawasan ketua-ketua dan anggota kanan parti bertanding seperti di N. 1 Banggi di mana Presiden USNO, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun ditentang oleh BERJAYA. Tun Mustapha mendapat sejumlah 2,556 undi daripada jumlah pemilih berdaftar 4,266 dengan majoriti 1,617. Calon BERJAYA mendapat 939 undi sementara undi rosak 48. Peratusan undian sebanyak 83%.

Di kawasan DUN N.15 Kiulu, Tun Haji Mohd. Fuad Stephens menghadapi perlawanan tiga penjuru menentang calon USNO dan PERKEMAS. Tun Haji Mohd. Fuad mendapat 2,137 undi daripada jumlah pemilih 4,262 dengan majoriti 1,111 berbanding dengan PERKEMAS mendapat 1,026 undi dan USNO 284 undi. Undi rosak sebanyak 92.

Di kawasan DUN N. 43 Tenom pula Datuk Harris Salleh menang dengan majoriti 1,529 undi dengan memperolehi 3,662 undi daripada 3,842 jumlah pemilih. Peratus undian 81.5% dan undi rosak 81 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah, 1976).

Liputan secara langsung khas keputusan PRU DUN 1974 dibuat pada setelah pengundian selesai pada 14 April 2016. Siaran langsung RMS bermula jam 8.00 malam sehingga jam 6.00 pagi keesokan hari. Bahagian Hal Ehwal Awam menyediakan rencana khas Pilihan raya

dan demokrasi untuk disiarkan jam 9.00 malam sebelum keputusan-keputusan pilihan raya disiarkan.

### **Pasca Pilihan Raya**

RMS membuat siaran langsung di upacara mengangkat sumpah dari Istana Kota Kinabalu.

### **Impak Liputan Radio**

#### **Liputan RMS Gagal Membantu?**

Kebanyakan informan bersetuju sedikit sebanyak, bantuan dan liputan RMS terhadap program dan aktiviti-aktiviti kerajaan yang sedang yang memerintah secara tidak langsung memberi impak terhadap keputusan PRU DUN 1976. Menurut Andrew John, mantan Penerbit radio RMS:

*....Cakap mengenai RTM, RTM cukup membantu kerajaan. Kenapa masih juga kalah banyak aspek juga yang saya tengok, sebab waktu BERJAYA kasi kalah USNO sebab semua pemimpin terpelajar jadi - they teamed up together. Jadi USNO itu musim semua orang-orang lama (Andrew, 2015) .*

RTM dan Jabatan Penerangan merupakan *mata dan telinga* kerajaan. Tugas RTM, khususnya RMS adalah untuk membuat liputan dan menguar-uarkan dasar, program, aktiviti-aktiviti di samping kejayaan bidang pembangunan dan kemajuan *government of the day* (Parti Perikatan USNO-SCA). Sekiranya RMS tidak berbuat demikian dari segi keputusan, USNO mungkin mendapat tiga atau lima kerusi sahaja (Simon, 2015). Bagi Jefri, 71 tahun seorang pesara polis, USNO mungkin mendapat 10 kerusi sahaja disebabkan kepimpinan USNO lemah ketika itu. Bagi Indan, 77 tahun, USNO mungkin dapat sepuluh atau sebelas kerusi sahaja. Menurut Azman, 63 tahun, bekas guru dan pegawai pendidikan, tanpa bantuan RTM, khususnya radio dalam PRU DUN 1976, sepuluh kerusipun USNO susah nak dapat.

### **Public Engagement**

Informan Emin Madi, 68 tahun, seorang wartawan sejak 1975 mempunyai sudut pandang yang berbeza terhadap senario liputan PRU DUN 1976 ketika itu:

*Realitinya, RTM baharu sahaja memulakan penyiarannya (TV Rangkaian 3) di Sabah pada tahun 1971 dan ia tidak mempunyai rancangan-rancangan berbentuk public engagement seperti mana yang kita saksikan sekarang. Siaran beritanya juga terhad, tidak dapat menyaingi pengaruh media cetak, akhbar Daily Express yang berpihak kepada parti politik yang menentang USNO. Fungsi RTM pada PRU 1976 juga terhad kerana jumlah rakyat Sabah yang berpeluang menonton atau mempunyai akses kepada penyiaran RTM agak terhad, terutama sekali di kawasan luar bandar (Emin Madi, 2015).*

### **Kuasa Atau Pengaruh Media**

Dari segi komunikasi, Emin berpendapat:

*Dari persepektif komunikasi, episod 1976 bukanlah soal kuasa atau pengaruh media, tetapi banyak dipengaruhi sentimen politik dan dalam hal demikian, agenda atau pengaruh media, baik media cetak maupun elektronik hampir tidak relevan kerana sentimen rakyat mengatasi segala-galanya, lebih-lebih lagi apabila mereka sudah membuat keputusan tentang pilihan parti politik mereka (Emin Madi, 2015).*

## **Antara Faktor Penyumbang Kekalahan Parti Perikatan Sabah**

### ***Ura-ura Mengeluarkan Sabah dari Malaysia***

Kekalahan Parti Perikatan Sabah, walaupun mendapat liputan sepenuhnya daripada RTM disebabkan beberapa faktor. Antaranya yang ramai informan bersetuju ialah ura-ura Presidennya Tun Datu Haji Mustapha membawa keluar Sabah dari Malaysia:

*...saya ingat BERJAYA ditubuhkan atas galakan Kuala Lumpur kerana pada waktu itu Kuala Lumpur menyangka Tun Mustapha ada agenda lain. Mula-mula Kuala Lumpur tidak percaya tetapi akhirnya yang saya tahu dia sudah melihat bukti bahawa Tun Mustapha ada niat untuk keluar daripada Malaysia (Simon, 2015).*

*...perhubungan dengan persekutuan ketika itu tidak baik. Ada rancangan mau keluar dari Malaysia. Tun Mustapha pergi ke Daerah Kudat, Sandakan dan Pantai Timur memberi tahu perkara ini (Indan, 2015).*

*...masalah ketika itu kepimpinan Ketua Menteri, Allahyarham Tun Datu Mustapha sudah ada mainan dalam politik bahawa dia akan keluarkan Sabah daripada Malaysia (Ahmad, 2017).*

*...mungkin isu Sabah dibawa keluar daripada Malaysia dan rakyat tidak berapa cenderung dan rakyat tidak bebas bersuara pada masa itu..siapa yang buat parti baru akan lambat laun diambil tindakan (Azman, 2015).*

Ura-ura mengeluarkan Sabah dari Malaysia telah dikemukakan oleh Tun Haji Mustapha dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi USNO pada 23 April 1975 dalam kertaskerja berjudul *Kedudukan Masa Depan Sabah Dalam Malaysia* di mana beliau menghuraikan bahawa Kuala Lumpur lebih banyak mendapat keuntungan dari hasil mahsul Sabah daripada Sabah mendapatkan faedah daripada pusat. Beliau juga membayangkan bahawa autonomi Sabah dalam Malaysia akan menjadi berkurangan dari masa ke semasa (Yahya Ismail, 1978).

Dalam pungutan suara yang dibuat oleh Suruhanjaya Cobbold di Sabah dan Sarawak mulai 19 Februari sehingga 18 April 1962 menyaksikan bukan semua bersetuju seratus peratus untuk menyertai gagasan Malaysia ketika itu. Rata-rata di kedua-dua negeri tersebut, satu pertiga daripada responden bersetuju tanpa syarat, satu pertiga bersetuju bersyarat dan selebihnya mahukan kedua-dua negeri tersebut merdeka dahulu sebelum menyertai gagasan pembentukan Malaysia ([https://en.wikipedia.org/wiki/Cobbold\\_Commission](https://en.wikipedia.org/wiki/Cobbold_Commission)). Jika ura-ura mengeluarkan Sabah dari Malaysia berjaya, sudah tentu Sabah terancam dari segi keselamatan. Ini mengambil kira sejarah di awal penubuhan Malaysia wujudnya konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia dan juga tuntutan Filipina ke atas Sabah yang belum menemui titik penamatnya.

### ***Pemansuhan Siaran Bahasa-Bahasa Etnik dan Cina di Radio Malaysia Sabah***

Bahasa-bahasa etnik (Kadazan, Bajau dan Murut) bersama bahasa Cina telah dimansuhkan bermula Mac 1973 berikutan dengan ucapan Tun Datu Haji Mustapha merasmikan Bintang RTM 1973 di Dewan Mayarakat Kota Kinabalu. Rang undang-undang Bahasa diluluskan di DUN pada tahun 1971 menyaksikan Bahasa Melayu menjadi rasmi di Sabah (Mohammad Agus, 2006). Ekoran daripada itu, bahasa-bahasa etnik Kadazan, Bajau dan Murut dan juga Cina dimansuhkan dan siaran RMS hanya menggunakan dua bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Isu ini yang menyebabkan masyarakat kadazan, Bajau, Murut dan juga Cina tidak berpuas hati dan ia juga telah menjadi isu besar dalam kalangan kumpulan etnik yang terlibat (Andrew, 2015). Bahasa-bahasa etnik dan Cina yang telah bersiaran selama 18 tahun sejak Radio Sabah ditubuhkan tahun 1955 tiba-tiba dimansuhkan dan mereka terpaksa berkomunikasi dalam bahasa Melayu yang selama di dalam bahasa ibonda masing-masing.

Walaupun bahasa-bahasa etnik dan Cina tersebut dimulakan kembali siarannya pada 15 Mac 1976, tiga hari sebelum Penamaan Calon PRU DUN 1976 ia tidak mengubah pendirian etnik-etnik ini untuk beralih memilih *the government of the day* yang baru.

### **Kepimpinan Tun Haji Mustapha**

Presiden USNO, Tun Datuk Haji Mustapha boleh bersifat demokratik sekiranya kedudukan beliau tidak dicabar dan akan bersikap autokratik sekiranya berlaku cabaran terhadap kepimpinannya (Hamdan Aziz,2009).

Sehubungan itu, apabila Undang-undang darurat diisytiharkan pada 15 Mei 1969 kuasa diberikan juga kepada Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri. Ini membentuk sifat-sifat kepemimpin autokratik pada diri beliau (Mohd Yusof Jalil,1979). Dengan kuasa yang ada, telah digunakan untuk menahan sesiapa sahaja yang dianggap *anti-nasional* albeit anti-Tun Mustapha sendiri dan ditambah pula kekuasaannya di bidang imigrasi membolehkan Tun Mustapha dan kerajaannya mengusir siapa sahaja yang tidak disenangainya dan ini berlanjutan selama 13 tahun dimana rakyat terpaksa tunduk pada tekanan-tekanan politik (Yahya Ismail, 1978).

Dalam dilihat salah satu stail kepimpinan Tun Mustapha bersifat *laizzez-faire* yang membiarkan sub ordinatnya membuat keputusan:

*Tun Mustapha adalah seorang pemimpin tradisional. Beliau selalu tidak berada di Sabah dan berpesepsi sangat bergantung kepada Syed Kechik. Jadi Syed Kecikpun menggunakan kesempatan dan menggunakan pengaruh Tun Mustapha dan media (Simon, 2015).*

Bagi Azman, 62, kepimpinan Tun Mustapha ketika itu mempunyai krisma dan kepimpinan tegas sehingga beliau berjaya menjadikan Islam sebagai agama rasmi di Sabah bermula tahun 1973. Penyebaran syiar Islam berkembang melalui peranan yang dimainkan oleh USIA dari tahun 60an dan diikuti oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sejak awal tahun 70an.

### **Hubungan Dengan Kepimpinan Pusat**

Setelah menang besar dalam PRU Parlimen 1974, Tun Mustapha dilantik Menteri Pertahanan oleh Tun Abdul Razak, namun Tun Mustapha tidak mahu mengambil jawatan itu sebaliknya dan memohon Tun Razak agar seorang Timbalan Menteri Pertahanan dari Sabah dilantik dan mencadangkan Datuk Dzulkifli Abdul Hamid mengisi jawatan itu. Malah satu tunjuk perasaan penyokong-penyokong USNO seolah-olah mendesak beliau jangan meninggalkan Sabah kerana beliau diperlukan oleh rakyat Sabah (Yahya Ismail, 1978). Senario ini disifatkan sebagai tamparan kepada Pusat dan merupakan *turning point* peringkat pusat merestui penubuhan parti baru untuk mengambilalih parti USNO-SCA.

## **Kesimpulan**

Pentingnya radio dalam liputan pilihan raya memang tidak dapat dinafikan. Radio awam dalam negara-negara yang membangun lazimnya menyokong *government of the day* dimana radio berfungsi meguar-uarkan dasar, program dan aktiviti-aktivi serta pembangunan dan kemajuan dan usaha-usaha yang akan dijalankan bagi faedah rakyat keseluruhannya. Ia menggunakan pendekatan pemujukan secara *subtle* agar secara tidak langsung meyakinkan rakyat supaya dapat mempertahankan kerajaan yang memerintah demi kesinambungan pembangunan dan kemajuan yang dapat mewujudkan keamanan, keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan berpaksikan Rukunegara.

Dalam kes PRU DUN Sabah 1976, Radio Televisyen Malaysia melalui Radio Malaysia Sabah telah membuat liputan/promosi dasar, program dan aktiviti-aktiviti Kerajaan Parti Perikatan (USNO-SCA) melalui siarannya dan juga penerbitan berbentuk majalah/rencana, bual bicara, drama, persempahan pentas dan juga berita dan sorotan berita dan lain-lain.

Namun demikian, kemenangan tidak berpihak kepada Parti Perikatan USNO-SCA bukan disebabkan kurangnya liputan RTM atau masalah isu komunikasi. Ia lebih condong kepada sentimen politik dan tindak tanduk kepimpinannya parti pemerintah yang menimbulkan isu-isu seperti ura-ura mengeluarkan Sabah daripada Malaysia, pemansuhan siaran bahasa-bahasa etnik di Radio Malaysia Sabah, kepimpinan Tun Haji Mustapha, perhubungan hambar dengan kepimpinan Pusat dan lain-lain. Ini mendorong rakyat Sabah beralih *angin* memilih kerajaan baru BERJAYA yang diharap dapat memenuhi hasrat dan aspirasi mereka untuk maju setanding negeri-negeri lain di Malaysia dalam pelbagai aspek pembangunan dan kemajuan.

## Rujukan

### Buku

- Abdul Hadi Harman Shah etl. 2003. *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah
- Rashid Rahman. 1994. *Penjalanan Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Bertolt Brecht. 2009. Radio As A Means of Communication – A talk on the function of radio. Dlm *Radio, Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London and New York: Routledge.
- Craig, G.2004. *The Media, Politics and Public Life*. Crow's Nest: Allen & Unwin
- Dominik, J.R. 2005. *The Dynamics of Mass Communication Media in the Digital Age*. 8<sup>th</sup> Ed. Boston:McGraw Hill.
- Douglas Cater. 1959. *Fourth Branch of Government*. Cambridge Mass: Riverside Press.
- Elisabeth Gidengil.2008. *Media Matter:Election Coverge in Canada*. New York dan London: Routhledge Taylor & Francis Group.
- Eric Darras. 2008. Free Journalism Under Control: Election Coverage in France . New York dan London:Routhledge Taylor & Francis Group.
- Faridah Ibrahim. 2015. *Media Cetak*. Dlm *Komunikasi di Malaysia, Status dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Handbook of Election News Coverage Around the World. London: Routledge
- Hamedy Mohd Adnan and Rahman Shaari.2006. *Media di Malaysia, Mendukung Citra Bangsa*.Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Jamison, D.T. & MCAnnany, E.G. 1974. *Becoming Modern-Individual Change in Six Developing Countries*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- McAnany, Emile G. 1974. *Communication in the Rural Third world*. Prager Publishers: New York
- Mustafa K. Anuar. 2002. Defining Democratic Discourses, The Mainstream Press. Dlm *Democracy in Malaysia Discourses and Practices*. Malaysia: Curzon Press.
- Mohd. Foad Sakdan.1999. *Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Agus Yusoff. 2006. *Malaysian Federalism Conflict or Consensus*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

- Mohd Yusof Hussain.2003. *Mass Media in Selected Muslim Countries*. Kuala Lumpur: International Islamic University.
- Mohd Yusof Jalil.1979. *Matinya Parti BERJAYA*.Kuala Lumpur.
- Robert McLeish. 2002. *Radio Production* (Fouth edition). Amsterdam/Paris/London/New York: Focal Press.
- Robert McLeish. 2005. *Radio Production* (Fifth edition). Amsterdam/Paris/London/New York: Focal Press.
- Susan J.Pharr.1996. *Media and Politics in Japan: Historical and Contemporary Perspectives*. Dlm  
Media and Politics in Japan. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Schumpeter, J.AA.A, 1968. Capitalism, Socialism and Democracy. New York: Harper in Fauzi Ayob. 2008. Demokrasi dan Penyiaran. *Dlm Bingkisan Media Edisi Semakan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Stan Le Roy Wilson. 1989. *Mass Media/Mass Culture: An Introduction* (3<sup>rd</sup> Edition) Singapore/Sydney/Toronto:McGraw-Hill, Inc.
- Scupham, J. 1967. *Broadcasting and the Community*. C.A Watts & Co.: London
- Tunku Mohar Mokhtar. 2013. Society, Elections and Electoral System. Dlm Abdul Rashid Moten. *Government and Politics In Malaysia*. Selangor Malaysia: Cengage Learning Asia Pte Ltd (Malaysia branch)
- Yahaya Ismail. 1977. *Berjaya Di Tengah-Tengah Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

### **Kertas Kerja/Tesis/Penyata/Risalah**

- Abdul Rahman Hamid.2005. *Media Penyiaran Dan Wawasan 2020:Menurut Perspektif dan Pengalaman Pengamal Media RTM*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemikir  
Media Wawasan yang diadakan di Hotel Vistana Pulau Pinang.
- Kavita Karan. 1997. Thesis PhD. *Political Communication in the 1991 General Election in India with Special Reference to Andhra Pradesh*. London School of Economics 1991.
- Penyata Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah, 1976
- Panduan Siaran Radio, Jabatan Penyiaran Malaysia (Tidak Bertarikh)
- Restrospeksi: RTM Sabah 1955-2005.

### **Temu ramah**

- Temu ramah Dengan Tan Sri Simon Sipaun. 2015. Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.  
Donggongan Penampang
- Temu ramah dengan Dengan Datuk Abd. Rahman Hamid.2015. Mantan Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia. Puchong Selangor.
- Temu ramah dengan Datuk Jumat Engson. 2015. Mantan Pengarah Penyiaran Sabah. Likas Kota Kinabalu.
- Temu ramah dengan Abd. Razak Hamid . 2015. Mantan Pengawal Rangkaian Nasional, Radio Malaysia Sabah.
- Temu ramah dengan Azizah Haji Itam. 2015. Mantan Pengawal Rangkaian Biru, Radio Malaysia Sabah.
- Temu ramah dengan Andrew John. 2015. Mantan Pengelola Unit Kadazan, Radio Malaysia Sabah.

Temu ramah dengan Baharudzman. 2015. Mantan Pegawai Bahagian Hiburan dan Muzik. Kota Kinabalu.

Temu ramah dengan Indan Putong. 2015. Mantan Pegawai Pendidikan.Tuaran.Sabah.

Temu ramah dengan Azman Lindang. 2015. . 2015. Mantan Pengawai Pendidikan. Tuaran, Sabah.

Temu ramah dengan Ahmad Mahmood. 2017. Mantan Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Sabah.

Temu ramah dengan Emin Madi. 2015. Wartawan BERNAMA Kota Kinabalu Sabah.

Temu ramah dengan Jefri Asi. 2015. Mantan Pegawai Polis. Kota Belud.

**Surat Khabar dan Laman Web**

Kinabalu Sabah Times, 23 Jan-4 April 1976

[https://en.wikipedia.org/wiki/Cobbolt\\_Commission](https://en.wikipedia.org/wiki/Cobbolt_Commission), diakses 20 September 2017

**Pita Khanah, RTM Sabah**